



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



POLISI

RAKAN NIAGA ANTIRASUAH

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN

NO. SIRI:

Isi Kandungan

Bil.	Perkara	M/S
1.0	Tujuan	3
2.0	Skop	4
3.0	Dasar dan Komitmen MBBJ	4
4.0	Definisi	5
5.0	Prinsip Umum Pengurusan Rakan Niaga	6
6.0	Penilaian Risiko dan Ketekunan Wajar Rakan Niaga	6
7.0	Larangan dan Kehendak Integriti	7
8.0	Latihan Antirasuah kepada Rakan Niaga	8
9.0	Pelaporan dan Perlindungan Pemberi Maklumat (<i>whistleblowing</i>)	12
10.0	Pemantauan dan Audit	12
11.0	Tindakan Ketidakpatuhan	13
12.0	Tanggungjawab Pengurusan MBBJ	13
13.0	Semakan dan Penambahbaikan Polisi	14
14.0	Rujukan	14
15.0	Kuat Kuasa	15
16.0	Carta Alir	16
17.0	Format Poster	17

	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU		Edisi: 0
	POLISI RAKAN NIAGA ANTIRASUAH MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU		No. Siri: SPAR(P)-MBJB-4

Diluluskan Oleh : Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am
Bil. 13/2026

Tarikh Kuat Kuasa :

Pautan Rasmi :

1.0 TUJUAN

- 1.1 Polisi ini diwujudkan bagi menetapkan prinsip, komitmen, tanggungjawab dan tatacara pengurusan rakan niaga Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dalam memastikan semua urusan, perkhidmatan dan hubungan kerja dilaksanakan secara telus, berintegriti, bebas rasuah dan mematuhi kehendak undang-undang serta keperluan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) MS ISO 37001 dan selaras dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694).
- 1.2 Polisi ini juga bertujuan:
 - 1.2.1 Memastikan semua rakan niaga MBJB memahami dan mematuhi dasar antirasuah MBJB.
 - 1.2.2 Mengawal dan mengurangkan risiko rasuah, salah guna kuasa, penipuan, konflik kepentingan dan salah laku dalam urusan melibatkan rakan niaga.
 - 1.2.3 Menetapkan keperluan latihan antirasuah kepada rakan niaga yang bertindak bagi pihak atau untuk kepentingan MBJB.
 - 1.2.4 Memastikan rakan niaga melaksanakan amalan integriti dan antirasuah secara berterusan termasuk terhadap pekerja, wakil, subkontraktor, dan pelanggan mereka.
 - 1.2.5 Menyokong pelaksanaan tadbir urus yang baik serta pematuhan kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan perundangan berkaitan.

2.0 SKOP

2.1 Polisi ini terpakai kepada semua rakan niaga MBBJ termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Kontrakator.
- Pembekal.
- Perunding.
- Ejen tau wakil pihak ketiga.
- *Vendor* (pembekal) perkhidmatan.
- Syarikat penyelenggaraan.
- Pemegang konsesi.
- Rakan strategik.
- Pemegang taruh.
- Organisasi atau individu yang bertindak bagi pihak MBBJ.
- Subkontraktor yang dilantik oleh rakan niaga MBBJ.
- Mana-mana pihak yang mempunyai hubungan kontrak, urusan rasmi atau kepentingan perniagaan dengan MBBJ.

2.2 Polisi ini terpakai sepanjang tempoh:

- Pra-perolehan.
- Penilaian dan pemilihan.
- Pelaksanaan kontrak.
- Penamatan kontrak.
- Tempoh lanjutan liabiliti atau tanggungan berkaitan.

3.0 DASAR DAN KOMITMEN MBBJ

3.1 MBBJ mengamalkan toleransi sifar terhadap sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, penipuan dan salah laku.

3.2 MBBJ komited memastikan semua rakan niaga:

3.2.1 Mematuhi undang-undang antirasuah dan keperluan integriti.

3.2.2 Tidak menawarkan, memberi, meminta atau menerima sebarang rasuah atau suapan.

3.2.3 Tidak menggunakan orang tengah bagi tujuan mempengaruhi keputusan secara tidak sah.

3.2.4 Mengelakkan konflik kepentingan dalam semua urusan rasmi.

3.2.5 Melaksanakan kawalan dalaman dan langkah pencegahan rasuah yang bersesuaian.

3.2.6 Memberikan kerjasama penuh dalam audit, pemantauan atau siasatan berkaitan integriti.

- 3.2.7 Memastikan pekerja, wakil dan subkontraktor mereka turut mematuhi prinsip antirasuah.
- 3.2.8 MBBB berhak mengambil tindakan secara perundangan, pentadbiran, atau sewajarnya terhadap mana-mana rakan niaga yang melanggar polisi ini.

4.0 DEFINISI

ISTILAH	DEFINISI
Rakan Niaga	Mana-mana pihak luar yang mempunyai hubungan kerja, kontrak, atau urusan rasmi dengan MBBB.
Risiko Rasuah	Kebarangkalian berlakunya perlakuan rasuah atau salah laku berdasarkan penilaian risiko.
Rasuah	Kesalahan memberi atau menerima suapan dalam apa-apa bentuk bagi mendapatkan faedah atau kelebihan secara tidak sah.
Suapan	Merujuk kepada apa yang diberikan, dijanjikan, ditawarkan atau diterima sebagai balasan untuk mempengaruhi sesuatu tindakan atau keputusan.
Konflik Kepentingan	Situasi apabila kepentingan peribadi mempengaruhi atau dilihat mempengaruhi keputusan rasmi.
Latihan Antirasuah	Program kesedaran, pendidikan atau pematuhan berkaitan integriti dan antirasuah.
Ketekunan Wajar (<i>Due Diligence</i>)	Proses semakan dan penilaian latar belakang rakan niaga sebelum pelantikan atau semasa kontrak.
Perlindungan Pemberi Maklumat (<i>Whistleblowing</i>)	Perlindungan kepada pemberi maklumat dan juga pendedahan maklumat itu sendiri, berkaitan salah laku, rasuah atau pelanggaran integriti.
Rekod Litigasi	Catatan atau sejarah kes-kes perundangan (mahkamah) yang melibatkan seseorang individu, syarikat, organisasi atau pihak tertentu, sama ada sebagai plaintif (yang memfailkan kes) atau defendan (yang disaman).

5.0 PRINSIP UMUM PENGURUSAN RAKAN NIAGA

- 5.1 Semua urusan melibatkan rakan niaga hendaklah dilaksanakan berdasarkan prinsip:
- Integriti.
 - Ketelusan.
 - Akauntabiliti.
 - Keadilan.
 - Pematuhan undang-undang.
 - Tadbir urus yang baik.
- 5.2 MBBJ tidak akan berurusan dengan mana-mana pihak yang:
- 5.2.1 Terlibat dalam rasuah atau salah laku serius.
- 5.2.2 Disabitkan dengan kesalahan rasuah.
- 5.2.3 Menggunakan kedah tidak beretika untuk mendapatkan projek atau kelebihan.
- 5.2.4 Gagal mematuhi keperluan integriti dan antirasuah yang ditetapkan oleh MBBJ.
- 5.3 Semua rakan niaga hendaklah:
- 5.3.1 Menandatangani Akuan Integriti atau *Integrity Pact* jika diarahkan.
- 5.3.2 Mematuhi Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans MBBJ.
- 5.3.3 Memaklumkan kepada MBBJ sekiranya berlaku sebarang konflik kepentingan.
- 5.3.4 Melaporkan sebarang cubaan rasuah atau salah laku melibatkan pegawai atau wakil MBBJ.

6.0 PENILAIAN RISIKO DAN KETEKUNAN WAJAR RAKAN NIAGA

- 6.1 Penilaian risiko rasuah hendaklah dijalankan terhadap semua rakan niaga. MBBJ berhak mendapatkan persetujuan bertulis daripada individu berkaitan (seperti pengarah syarikat atau pemilik) sebelum melakukan semakan latar belakang yang mendalam bagi mengelakkan pelanggaran privasi.
- 6.2 Rakan niaga perlulah bersetuju memberikan data peribadi bagi tujuan ketekunan wajar selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

6.3 Penilaian risiko boleh melibatkan perkara berikut:

- Nilai kontrak atau projek.
- Tempoh kontrak.
- Tahap penglibatan dengan pegawai atau anggota / warga kerja MBBJ.
- Sifat kerja atau perkhidmatan.
- Akses kepada proses kelulusan atau keputusan.
- Rekod pematuhan integriti.
- Rekod litigasi atau kes rasuah.
- Penggunaan orang tengah atau subkontraktor.
- Risiko sektor atau industri.
- Risiko lokasi operasi.

6.4 Rakan niaga hendaklah diklasifikasikan kepada:

- Risiko rendah.
- Risiko sederhana.
- Risiko tinggi.

6.5 Bagi rakan niaga berisiko sederhana dan tinggi, MBBJ boleh melaksanakan:

- Ketekunan wajar tambahan.
- Semakan latar belakang syarikat.
- Semakan rekod litigasi.
- Semakan pemilikan syarikat.
- Semakan hubungan dengan pegawai awam.
- Temuduga atau pengesahan tambahan.
- Pemantauan berkala.

6.6 MBBJ berhak menolak atau menamatkan hubungan dengan mana-mana rakan niaga sekiranya hasil penilaian menunjukkan risiko rasuah yang tidak boleh diterima.

7.0 LARANGAN DAN KEHENDAK INTEGRITI

7.1 Rakan niaga adalah **DILARANG**:

- 7.1.1 Memberi atau menawarkan rasuah kepada mana-mana pegawai atau anggota / warga kerja MBBJ.
- 7.1.2 Meminta atau menerima rasuah daripada mana-mana pihak.
- 7.1.3 Memberikan hadiah, sumbangan, tajaan atau keraian yang bertujuan mempengaruhi keputusan rasmi.
- 7.1.4 Menggunakan dokumen palsu atau maklumat mengelirukan.

- 7.1.5 Menyembunyikan konflik kepentingan.
- 7.1.6 Menggunakan subkontraktor tanpa kebenaran jika disyaratkan.
- 7.1.7 Membuat tuntutan palsu atau mengelirukan.
- 7.1.8 Membocorkan maklumat sulit MBBJ.
- 7.2 Semua rakan niaga hendaklah:
 - 7.2.1 Mematuhi Akta SPRM 2009.
 - 7.2.2 Mematuhi syarat kontrak dan garis panduan MBBJ.
 - 7.2.3 Menyediakan dan memberikan kerjasama semasa audit atau siasatan.
 - 7.2.4 Mewujudkan budaya kerja berintegriti dalam organisasi masing-masing.

8.0 LATIHAN ANTIRASUAH KEPADA RAKAN NIAGA

- 8.1 Tujuan
 - 8.1.1 Menetapkan tatacara pelaksanaan latihan antirasuah kepada rakan niaga MBBJ yang bertindak bagi pihak atau untuk kepentingan MBBJ.
 - 8.1.2 Memastikan rakan niaga memahami tanggungjawab integriti dan risiko rasuah dalam urusan bersama MBBJ.
 - 8.1.3 Meningkatkan kesedaran berkaitan pematuhan undang-undang dan amalan integriti.
- 8.2 Tanggungjawab
 - 8.2.1 Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran (UIPP)
 - Menyelaras pelaksanaan latihan.
 - Menentukan kandungan latihan.
 - Menyediakan modul latihan.
 - Menyimpan rekod latihan.
 - Menilai keberkesanan latihan.
 - 8.2.2 Ketua Jabatan (Jabatan-jabatan dalaman MBBJ)
 - Mengenal pasti rakan niaga berkaitan.
 - Memastikan kehadiran rakan niaga.
 - Membantu pemantauan pematuhan.

8.2.3 Bahagian Ukur Bahan (Perolehan) / Jabatan Berkaitan

- Membantu penilaian risiko rakan niaga.
- Memastikan keperluan latihan dimasukkan dalam syarat kontrak jika perlu.

8.2.4 Rakan Niaga

- Menghadiri latihan yang diwajibkan.
- Memastikan pekerja dan wakil berkaitan turut menghadiri latihan.
- Melaksanakan pematuhan integriti dalam organisasi.

8.3 Pengenalpastian Rakan Niaga Berisiko

8.3.1 Penilaian risiko rasuah dijalankan ke atas semua rakan niaga berdasarkan:

- Nilai kontrak.
- Tahap penglibatan dengan pegawai MBBJ.
- Sifat kerja.
- Penglibatan dalam kelulusan atau penguatkuasaan.
- Risiko operasi.

8.3.2 Rakan niaga diklasifikasikan kepada:

- Risiko rendah.
- Risiko sederhana.
- Risiko tinggi.

8.3.3 Rakan niaga berisiko sederhana dan tinggi **WAJIB** mengikuti latihan antirasuah.

8.4 Penentuan Keperluan Latihan

8.4.1 Latihan diwajibkan sekiranya rakan niaga:

- Bertindak bagi pihak MBBJ.
- Terlibat dalam proses membuat keputusan.
- Terlibat dalam proses kelulusan.
- Berurusan secara langsung dengan pelanggan atau orang awam bagi pihak MBBJ.
- Berpotensi mempengaruhi imej reputasi MBBJ.
- Mengendalikan dana atau asset berkaitan MBBJ.

8.5 Kandungan Latihan

8.5.1 Kandungan latihan hendaklah merangkumi:

- Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans MBBJ.
- Larangan rasuah dan salah laku.

- Konflik kepentingan.
- Polisi Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam di MBBJ.
- Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*whistleblowing*) MBBJ
- Saluran aduan dan pelaporan.
- Implikasi undang-undang berkaitan Akta SPRM 2009.
- Seksyen 16, 17, 18 dan 23 Akta SPRM 2009.
- Tatacara berurusan dengan pegawai / anggota / warga kerja MBBJ.
- Pengurusan rekod dan dokumentasi.
- Liabiliti organisasi komersial di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.
- Tanggungjawab sosial dan etika perniagaan.
- Tanggungjawab rakan niaga terhadap pekerja, subkontraktor dan pelanggan.

8.6 Kaedah Penyampaian Latihan

8.6.1 Latihan boleh dilaksanakan melalui:

- Taklimat fizikal.
- Bengkel.
- Webinar atau sesi dalam talian (*e-learning*).
- Video pembelajaran.
- Edaran manual atau garis panduan.

8.7 Pelaksanaan Latihan

8.7.1 Jemputan rasmi dihantar kepada rakan niaga.

8.7.2 Kehadiran direkodkan.

8.7.3 Bahan latihan disediakan dan diedarkan.

8.7.4 Sesi soal jawab dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman.

8.7.5 Penilaian kefahaman boleh dijalankan melalui kuiz, pengesahan atau borang maklum balas.

8.7.6 Rakan niaga hendaklah mengesahkan pemahaman dan pematuhan terhadap keperluan antirasuah MBBJ.

8.8 Kewajipan Latihan Antirasuah Oleh Rakan Niaga Kepada Pekerja dan Pelanggan

8.8.1 Rakan niaga yang bertindak bagi pihak MBBJ hendaklah melaksanakan latihan atau hebahan kesedaran antirasuah kepada:

- Pekerja mereka.
- Wakil syarikat.

- Ejen.
- Subkontraktor.
- Pelanggan atau pengguna perkhidmatan yang berkaitan dengan urusan MBBJ.

8.8.2 Latihan atau hebahan tersebut hendaklah meliputi:

- Larangan rasuah dan salah laku.
- Larangan memberi suapan kepada pegawai / anggota / warga kerja MBBJ.
- Tatacara pelaporan salah laku.
- Konflik kepentingan.
- Etika semasa berurusan dengan MBBJ.
- Saluran aduan integriti.
- Implikasi undang-undang berkaitan rasuah.

8.8.3 Rakan niaga hendaklah memastikan pelanggan atau pengguna perkhidmatan tidak ditawarkan sebarang bayaran tidak sah, orang tengah atau kelebihan bagi mempercepatkan urusan rasmi MBBJ.

8.8.4 Rakan niaga digalakkan menyediakan:

- Poster atau notis antirasuah.
- Kod etika syarikat.
- Polisi integriti dalaman.
- Akuan integriti pekerja.
- Taklimat berkala kepada pekerja dan pelanggan.

8.8.5 MBBJ boleh meminta bukti pelaksanaan latihan atau kesedaran integriti oleh rakan niaga dari semasa ke semasa.

8.9 Penyimpanan Rekod (*Documented Information*)

8.9.1 MBBJ hendaklah menyimpan rekod berikut:

- Senarai rakan niaga yang diwajibkan latihan.
- Modul atau kandungan latihan.
- Tarikh latihan.
- Kaedah latihan.
- Senarai kehadiran.
- Bukti penyertaan.
- Penilaian keberkesanan latihan.
- Rekod komunikasi berkaitan latihan.

8.9.2 Semua rekod hendaklah disimpan sekurang-kurangnya lima (5) tahun atau mengikut keperluan dasar dan perundangan semasa.

8.10 Pemantauan dan Penambahbaikan

8.10.1 Penilaian keberkesanan latihan dibuat secara berkala.

8.10.2 Maklum balas peserta dikumpul dan dianalisis.

8.10.3 Kandungan latihan hendaklah dikemaskini mengikut:

- Perubahan undang-undang.
- Risiko semasa.
- Keperluan SPAR MS ISO 37001.
- Penemuan audit atau siasatan.
- Penambahbaikan organisasi.

9.0 PELAPORAN DAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWING*)

9.1 Semua rakan niaga hendaklah melaporkan sebarang:

- Cubaan rasuah.
- Salah guna kuasa.
- Penyelewengan.
- Tuntutan palsu.
- Konflik kepentingan.
- Pelanggaran polisi integriti.

9.2 Laporan boleh dibuat melalui saluran rasmi MBBJ. Rakan niaga yang melaporkan salah laku mestilah dilindungi daripada sebarang 'tindakan memudaratkan'.

9.3 MBBJ hendaklah memastikan identiti pemberi maklumat dilindungi selaras dengan polisi dan undang-undang berkaitan.

9.4 Tiada tindakan balas boleh diambil terhadap pemberi maklumat yang membuat laporan dengan niat baik.

10.0 PEMANTAUAN DAN AUDIT

10.1 MBBJ boleh menjalankan:

- Audit pematuhan.
- Semakan dokumentasi.
- Pemeriksaan tapak.
- Penilaian integriti.
- Audit mengejut.
- Temuduga atau pengesahan.

- 10.2 Rakan niaga hendaklah memberikan kerjasama penuh semasa audit atau siasatan.
- 10.3 Kegagalan memberikan kerjasama boleh dianggap sebagai pelanggaran kontrak atau polisi.

11.0 TINDAKAN KETIDAKPATUHAN

- 11.1 Mana-mana rakan niaga yang melanggar polisi ini boleh dikenakan tindakan seperti:
- Peringatan rasmi.
 - Surat tunjuk sebab.
 - Penggantungan urusan.
 - Penamatan kontrak.
 - Disenarai hitam.
 - Tuntutan ganti rugi.
 - Laporan kepada pihak berkuasa.
 - Tindakan undang-undang.
- 11.2 Rakan niaga yang gagal menghadiri latihan wajib boleh:
- Diberi peringatan rasmi.
 - Digantung urusan sementara.
 - Tidak dipertimbangkan untuk kontrak tertentu.
 - Disenarai hitam bergantung kepada keseriusan.
- 11.3 Sebarang pelanggaran serius berkaitan rasuah boleh dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau agensi penguatkuasaan berkaitan.

12.0 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN MBBJ

- 12.1 Pengurusan MBBJ hendaklah:
- Menyokong pelaksanaan polisi ini.
 - Menyediakan sumber yang mencukupi.
 - Memastikan pemantauan dilaksanakan.
 - Menggalakkan budaya integriti.
 - Memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap ketidakpatuhan.

13.0 SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN POLISI

13.1 Polisi ini hendaklah disemak secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) tahun atau apabila perlu.

13.2 Semakan boleh dibuat sekiranya terdapat:

- Perubahan undang-undang.
- Keperluan standard MS ISO 37001.
- Perubahan organisasi.
- Penemuan audit.
- Risiko Baharu.
- Arahan pihak berkuasa.

14.0 RUJUKAN


- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694).
- Garis Panduan '*Adequate Procedures*' di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.
- Sistem Pengurusan Antirasuah / *Anti-Bribery Management System* (ABMS) MS ISO 37001:2025.
- Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans MBBJ.
- Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*whistleblowing*) MBBJ.
- Polisi Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah, Keraian dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam di MBBJ.
- Kod Etika Citra Unggul MBBJ.
- Manual SPAR MS ISO 37001 MBBJ.
- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

15.0 KUAT KUASA

- 15.1 Polisi ini berkuat kuasa pada tarikh diluluskan oleh pihak pengurusan MBBJ.
- 15.2 Semua jabatan, pegawai / anggota / warga kerja dan rakan niaga MBBJ hendaklah mematuhi polisi ini sepenuhnya.

16.0 CARTA ALIR

CARTA ALIR PROSEDUR (SOP) LATIHAN KEPADA RAKAN NIAGA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



17.0 FORMAT POSTER

FORMAT POSTER BERKAITAN POLISI RAKAN NIAGA ANTIRASUAH MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Nota: Poster sekurang-kurangnya bersaiz A3



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

**POLISI RAKAN NIAGA MBBJ
JANGAN BERI RASUAH
JANGAN MEMBUAT TUNTUTAN PALSU**



MBJB

M E S R A B E R K H I D M A T J U J U R B E R B A K T I



info@mbjb.gov.my

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru